



جَابَتْ شَيْئاً وَسَاهَكَ الْجَانِ فِي رَقْبَةِ الْمُرْضِعَانِ

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI,  
PERAK DARUL RIDZUAN,  
BAHAGIAN KORPORAT,  
ARAS 1, BANGUNAN PERAK DARUL RIDZUAN,  
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB,  
30000 IPOH.



Telefon : 05-2095000 ext. 5194  
Faks : 05-2555026  
Portal : [www.perak.gov.my](http://www.perak.gov.my)

SUK.PK(BK) 100- 13 / 8 / 1 Jld 2 ( 1 )  
1 Jun 2022

**Semua Ketua Jabatan Negeri  
Pihak Berkuasa Tempatan dan  
Badana Berkanun Negeri, Perak Darul Ridzuan**

YB. Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

**PERTANDINGAN MENCIPTA TEMA HARI INOVASI PERKHIDMATAN AWAM  
PERINGKAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN TAHUN 2022**

Saya dengan segala hormatnya mohon merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak akan mengadakan Pertandingan Mencipta Tema Hari Inovasi sempena Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Perak Darul Ridzuan pada bulan Oktober 2022.

3. Sehubungan dengan itu, jabatan YB. Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan adalah dijemput untuk menyertai pertandingan ini yang akan berlangsung **mulai 1 Jun 2022 sehingga 30 Jun 2022**. Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan Garis Panduan Pertandingan dan Borang Penyertaan (seperti di **Lampiran A** dan **Lampiran B**) atau boleh dimuat turun di Portal Rasmi Kerajaan Negeri Perak ([www.perak.gov.my](http://www.perak.gov.my)).

4. Borang penyertaan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar melalui pos/e-mel/faks kepada urusetia **selewat-lewatnya pada 30 Jun 2022 (Khamis) jam 12.00 tengah hari**. Untuk sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, boleh menghubungi pihak urusetia di talian **05-209 5154/ 05-209 5155 Puan Nor Husna binti Idris atau Puan Wan Noor Syahirah binti Anuar**. Segala kerjasama dan perhatian YB. Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(ANITA BINTI AMRI)**  
Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan  
Bahagian Korporat  
b.p. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Perak Darul Ridzuan.

**“SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN”**



CERTIFIED TO  
MS ISO/IEC 27001:2013  
CERT. NO. : ISMS 00348



CERTIFIED TO  
ISO 9001:2015  
CERT. NO. : QMS 03708

**PERTANDINGAN MENCIPTA TEMA HARI INOVASI PERKHIDMATAN AWAM  
PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2022**

## **1.0 PENYERTAAN**

- 1.1 Penyertaan Pertandingan Mencipta Tema Hari Inovasi ini adalah terbuka kepada semua Jabatan Negeri, Pejabat Daerah dan Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri Perak Darul Ridzuan.

## **2.0 SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN**

- 2.1 Setiap tema hendaklah merangkumi perkara-perkara berikut:
  - (i) Mengandungi perkataan “inovasi”;
  - (ii) Fokus kepada sistem penyampaian Kerajaan;
  - (iii) Menekankan isu-isu semasa perkhidmatan awam dan budaya kreatif dan inovatif
- 2.2 Tema mestilah tidak melebihi lima (5) patah perkataan.
- 2.3 Tema hendaklah dalam Bahasa Melayu.
- 2.4 Setiap tema yang dikemukakan hendaklah disertai dengan penerangan yang jelas dan tepat (tidak melebihi 30 patah perkataan).
- 2.5 Penciptaan tema mestilah **karya asli peserta** (panel penilai/urusetia berhak untuk menolak penyertaan sekiranya didapati tidak asli).
- 2.6 Setiap individu boleh menghantar maksimum lima (5) penyertaan tetapi hanya satu (1) penyertaan sahaja yang akan dipilih daripada setiap individu untuk memenangi hadiah utama.
- 2.7 Setiap penyertaan hendaklah menggunakan borang seperti di **Lampiran B** (boleh dimuat turun di Portal Rasmi Kerajaan Negeri Perak [www.perak.gov.my](http://www.perak.gov.my)).
- 2.8 Penyertaan hendaklah dibuat secara pos, e-mel / faks.
- 2.9 Urusetia / Panel Penilai tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini.

### **3.0 HADIAH**

- 3.1 Tema terbaik akan memenangi hadiah utama iaitu wang tunai berjumlah RM1,000.00, plak dan sijil penghargaan.

### **4.0 KEPUTUSAN PERTANDINGAN**

- 4.1 Keputusan panel penilai adalah muktamad dan sebarang rayuan atau bantahan tidak akan dilayan.
- 4.2 Semua pemenang akan dimaklumkan secara rasmi oleh Urusetia pertandingan.

### **5.0 PENYAMPAIAN HADIAH**

- 5.1 Hadiah untuk pemenang utama sahaja akan disampaikan semasa Majlis Sambutan Hari Inovasi Peringkat Negeri Perak Tahun 2022.

### **6.0 PENGHANTARAN BORANG PERTANDINGAN**

- 6.1 Setiap borang penyertaan hendaklah dihantar melalui:

a) Pos:

**Urusetia Pertandingan Mencipta Tema Hari Inovasi Tahun 2022  
Bahagian Korporat  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak  
Aras 1, Bangunan Perak Darul Ridzuan  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab  
30000 Ipoh**

b) E-mel:

**[perakinovasi@gmail.com](mailto:perakinovasi@gmail.com)**

c) Faks:

**05-255 5026**

### **7.0 TARIKH TUTUP**

- 7.1 Tarikh tutup penyertaan adalah pada **30 Jun 2022 (Khamis)**  
**jam 12.00 tengah hari.**

**Lampiran B**

**BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN MENCIPTA TEMA HARI INOVASI  
PERKHIDMATAN AWAM PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2022**

<b>NAMA</b>	
<b>NO. KAD PENGENALAN</b>	
<b>JABATAN</b>	
<b>JAWATAN</b>	
<b>NO. TELEFON</b>	
<b>E-MEL</b>	
<b>TEMA (tidak lebih dari 5 patah perkataan)</b>	
<b>PENJELASAN TEMA (tidak lebih dari 30 patah perkataan)</b>	
<b>TANDATANGAN &amp; TARIKH</b>	

**PENGESAHAN KETUA JABATAN/BAHAGIAN/UNIT**

.....

**Tandatangan Ketua Jabatan/Bahagian/Unit**